

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI  
MASLAN [ PONTIAN ]**

**TARIKH SOALAN : 17 OKTOBER 2019 ( KHAMIS )**

**SOALAN NO. 38**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan langkah terperinci dan bajet yang terlibat bagi meningkatkan pemahaman rakyat dan penglibatan PKS dalam IR 4.0 terutama di luar bandar. Setakat mana penglibatan pihak belia dalam IR 4.0 dan nyatakan program-program khusus untuk membantu usahawan belia bagi mengaplikasikan IR 4.0.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui agensi di bawahnya menyediakan pelbagai inisiatif merangkumi pembiayaan dan latihan bagi memperkembangkan usahawan dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

2. Kaji Selidik Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) Suku Ketiga Tahun 2018 oleh SME Corp. mendapati hanya 67.3% iaitu 226 daripada 1,721 responden telah bersedia menggunakan teknologi IR 4.0.

3. Justeru, Dasar Keusahawanan Negara (DKN) yang diperkenalkan pada 11 Julai 2019 telah mengambil kira arus perubahan teknologi atau IR 4.0 melalui Teras Strategik 4 untuk memacu pertumbuhan ekonomi melalui perusahaan berteraskan inovasi dalam usaha untuk menyediakan ekosistem yang lebih holistik untuk pembangunan keusahawanan di Malaysia.

4. Antara inisiatif yang telah dijalankan oleh MED untuk menggalakkan penggunaan teknologi oleh usahawan selari dengan perkembangan industri 4.0 adalah:

- (i) Memperkenalkan **portal MalaysiaBiz** iaitu portal sehenti yang menawarkan kemudahan pendaftaran dan permohonan lesen perniagaan yang diusahakan secara bersama oleh SME Corp dengan MAMPU.
- (ii) memperkenalkan **ScoreXcess** yang dibangunkan oleh SME Bank bagi memudahkan proses permohonan pembiayaan menggunakan *Artificial Intelligence* (AI) dan skor kredit alternatif yang memberikan perspektif tambahan lebih baik kepada kelayakan kredit pemohon;
- (iii) mengadaptasi penggunaan teknologi dan perniagaan digital melalui media sosial serta transaksi perniagaan secara

e-dagang melalui latihan di bawah **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)** yang kini ditambahbaik oleh pihak SME Corp. di bawah MED;

- (iv) Malaysia Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) turut **menyediakan *School of Entrepreneurship* yang menawarkan program pembangunan kapasiti dan inovasi untuk *start up* dan usahawan** bagi mewujudkan peralihan minda dan peningkatan teknologi selaras dengan perubahan Revolusi Industri 4.0; dan
- (v) memperkasa gerakan koperasi dengan menyediakan program-program menggalakkan penggunaan teknologi digital di kalangan koperasi oleh Institut Koperasi Malaysia (IKM) selain **kursus latihan teknikal keusahawanan jangka pendek** dan **program berbentuk *coaching/mentoring*** oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Sekian, terima kasih.